



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 9 MEI 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INDUSTRI TERNAKAN GAGAL, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 1-2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	LEMBAH NEKTR MEDAN GILAP BAKAT KEUSAHAWANAN PELAJAR, PENDIDIKAN, BERITA HARIAN -34	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	KERAJAAN PERLU PERUNTUKAN SUBSIDI TUNAI KEPADA TUNAI -SALAHUDDIN, NEGERI KELANTAN.JOHOR, SINAR HARIAN -32	LAIN-LAIN
4.	JIMAT DUIT, MASA DAN HASIL MENINGKAT, LOKAL, HARIAN METRO -13	
5.	'ORANG KUAT' SEKTOR PERTANIAN, LOKAL, HARIAN METRO -12	
6.	AMBIL MASA SEBULAN MAHIR KAWAL DRON, LOKAL, HARIAN METRO -12	
7.	PERLUAS INSENTIF INDUSTRI PERTANIAN, EKONOMI, UTUSAN MALAYSIA -34	
8.	WUJUDKAN SANTUARI IKAN ELAK ANCAMAN BAUNG EKOT MERAH, NASIONAL, BERITA HARIAN -20	
9.	APABILA MAKANAN HABIS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 2	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1

'Napoleon kecil', birokrasi susahkan penternak terima bantuan disediakan kerajaan

Industri ternakan gagal

Okh: MAISARAH SHEKH RAHIM
maisarahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Industri ternakan negara terutama penternakan lembu terus gagal sekali gus menyebabkan Malaysia terpaksa bergantung kepada import untuk menampung keperluan ba-

han makanan itu. Mengikut rekod, walaupun pelbagai dasar dan insentif dilaksanakan kerajaan, namun untuk tahun 2020, Malaysia hanya mengeluarkan 23 peratus daging lembu, manakala pengeluaran daging kambing hanya 11 peratus. Bagi memenuhi keperluan

negara, mengikut data Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kerajaan terpaksa mengimport daging yang jumlahnya berjumlah RM4.2 bilion pada tahun 2021.

Angka pengeluaran daging negara sangat kecil sedangkan Malaysia berkeluasan 330,000

kilometer persegi dengan populasi 32.7 juta. Namun hakikatnya, Malaysia tidak mampu mencapai status sara diri (SSL) daging lembu setelah hampir 65 tahun mencapai kemerdekaan.

Perkara itu bukan cakat kosong tetapi dilalui sendiri seorang penternak lembu, Gulun

Manaver Mobarak Ali yang berdepan banyak rintangan sepanjang mengusahakan ternakan lembu selama 26 tahun, sejak 1995 hingga sekarang dan masih menyimpan semua bukti-bukti berdokumen.

Bersambung di muka 2

Industri ternakan gagal

Dari muka 1

Membangkitkan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, beliau berkata, walaupun pelbagai pelan strategik dan tindakan pembangunan industri pedaging dibentangkan, tetapi ia masih tidak mencapai hasrat memberansangkan.

Malah, menurut beliau, pelan seumpama itu bukanlah baharu tetapi diumumkan secara berulang-ulang berpuluh-tahun lalu dengan menggunakan istilah-istilah terkini.

Terbaharu, 12 hala tuju dibentangkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang dikatakan lebih komprehensif bagi memperkasa industri ru-

minan negara, demi mencapai hasrat kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada import.

"Apakah sebenarnya menghalang Malaysia sukar mencapai tahap SSL walaupun mempunyai kawasan luas dan sesuai untuk penternakan?"

"Industri ini lebih sukar mencapai kemajuan apatah lagi timbul isu kartel daging import yang diragui status halal didakwa berlaku sejak 40 tahun lalu dan diakui wujud membabitkan urusan niaga bernilai berbilion ringgit," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Beliau mendakwa, kesukaran industri ini untuk bangkit semakin payah apabila wu-

judnya 'napoleon kecil' dalam agensi kerajaan sendiri yang 'menghalang' usaha penternakan lembu bagi mencapai SSL.

Perkara itu pernah diakui bekas Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Salahuddin Ayub pada tahun 2020 bahawa pihaknya akan memusnahkan kerennah birokasi yang mungkin masih ada terutama membabitkan isu pemberian insentif, subsidi, perolehan, khidmat nasihat serta tempoh menunggu yang tidak relevan.

Disebabkan kerennah birokrasi itu, terdapat banyak bantuan kerajaan dan permohonan pen-termak tidak dapat dilaksanakan.

Lembah Nektar medan gilap bakat keusahawanan pelajar

Projek ternak kelulut UiTM cawangan Johor jana pendapatan lumayan

Oleh Dr Nurul Badriyah Ali
bipendidikan@bh.com.my

Segamat: Bermula dengan hasrat mengoptimumkan penggunaan tanah di sekitar kampus bagi tujuan menjana pendapatan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Johor memulakan projek penternakan lebah kelulut pada 2020.

Hari ini projek berkenaan yang dinamakan Laksamana Nektar menghasilkan pendapatan yang memberangsangkan + malah membuka peluang kepada pelajar serta kakitangan bagi melengkapkan diri dengan pembelajaran sepanjang hayat.

Ketua Projek Laksamana Nektar, Dr P Siva Shamala Palaniappan, berkata projek itu diadakan selari dengan hala tuju UiTM yang berusaha menerapkan pelbagai kemahiran kepada



Majlis perasmian 'Blueprint Laksamana Nektar' iaitu sebuah catatan yang mendokumentasikan perjalanan projek penternakan madu kelulut UiTM cawangan Johor disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas-Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, Datuk Zahari Sarip (tengah). Turut hadir: Pegawai Pendidikan Jabatan Pertanian Johor, Abd Halim Abd Wahab dan Pegawai Pertanian Daerah Segamat, Ibrahim Siman.



Projek Laksamana Nektar kembangkan pembelajaran.

projek berkenaan ia turut mendapat kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Johor dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kasap, Johor yang masing-masing menyumbangkan 10 log kelulut untuk diusahakan.

Selain itu, sumbangan lain juga turut diterima seperti pokok yang menjadi sumber makanan kelulut serta lain-lain kelengkapan untuk penyediaan tapak.

Tegasnya, susulan jualan produk madu kelulut yang mempunyai permintaan tinggi akhirnya ini, kakitangan akademik di UiTM Cawangan Johor turut menjalankan penyelidikan berkaitan bagi memperkembangkan potensi madu kelulut.

Malah, jawatankuasa Lembah Nektar turut berusaha melengkapkan diri dengan kemahiran penternakan lebah kelulut dengan menghadiri pelbagai kursus dan sesi membabitkan perkongsian ilmu daripada pakar bidang.

Usaha ini juga akan memberi sumbangan besar kepada UiTM cawangan Johor dan masyarakat. Peraturan hasil jualan produk juga akan disumbangkan kepada golongan yang memerlukan bantuan sebagai usaha lain universiti menyediakan khidmat kepada masyarakat.

mahasiswa melalui kelab dan persatuan pelajar.

"Melihatkan kepada kejayaan projek ini, Kelab Keusahawanan Laksamana Nektar akan ditubuhkan bertujuan memberi peluang kepada pelajar membabitkan diri secara langsung.

"Projek ini diharapkan dapat menjadi perintis kepada projek lain selumpamanya," katanya.

Katanya, pada peringkat awal

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2022	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KELATAN. JOHOR	32

Kerajaan perlu peruntukan subsidi tunai kepada petani - Salahuddin

JOHOR BAHRU - Kerajaan diminta mempertimbangkan pemberian subsidi tunai kepada golongan petani yang kini berdepan isu kenaikan harga baja susulan krisis global yang berlaku di seluruh dunia kini.

Ahli Parlimen Pulai, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kenaikan harga baja adalah fenomena global yang boleh menyebabkan berlakunya inflasi pertanian, sekali gus memberikan kesan kepada kos operasi dan kitaran pengeluaran.

Beliau berkata, pemberian subsidi itu adalah diperlukan bagi membantu mengurangkan bebanan akibat peningkatan pada kos operasi.

“Kerajaan boleh memulakan dengan memperuntukkan sejumlah subsidi tunai sebanyak RM100 kepada setiap petani, misalnya bagi setiap satu tan sayur-sayuran yang dihasilkan sebagai usaha mengurangkan kesan kenaikan besar terhadap kos baja yang kini meningkat daripada RM120 kepada RM200.

“Kenaikan dipercayai turut dipengaruhi isu penceroohan dan ketidakteraman yang berlaku antara Rusia dan Ukraine sejak 24 Februari lalu yang mana Ukraine merupakan antara pengeluar terbesar bagi sumber baja dan tanaman,”

katanya dalam satu kenyataan di sini pada Ahad.

Salahuddin yang juga bekas Menteri Pertanian dan Asas Tani berkata, pemberian subsidi itu juga dilihat perlu bagi menampung keperluan petani ekoran faktor risiko cuaca yang boleh menjejaskan tanaman serta menghapuskan sumber pengeluaran.

“Sekitar Disember 2021 sahaja, kelembapan hujan tinggi yang direkodkan adalah menyamai keseluruhan hujan tahunan pada tahun 2020 sehingga akhirnya menimbulkan dilema bagi golongan petani untuk meneruskan kegiatan pertanian sekiranya cuaca tidak menentu.

“Krisis ketidakseimbangan ini seharusnya dijadikan sebagai satu peluang untuk melihat semula kelompongan dan jurang sedia ada bagi memperbaharui rantaian nilai agro bagi melindungi dan menjamin kedaulatan makanan negara.

“Kerajaan harus mengambil langkah untuk menyatakan solusi lebih baik bagi menangani tiga permasalahan melibatkan kenaikan harga baja serta kos operasi, nasib golongan petani dan pengeluar tempatan serta ketidakstabilan jaminan bekalan makanan untuk masa hadapan,” katanya.



SALAHUDDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2022	HARIAN METRO	LOKAL	13

SEMBUR RACUN, BAJA GUNA DRON

Jimat duit, masa dan hasil **meningkatkan**



PROSES semburan racun dan baja di sawah padi menggunakan dron.

Oleh Amrul Alman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Tanjung Karang

Penggunaan dron bagi tugas semburan racun dan baja diakui berjaya memberi impak besar terhadap hasil tanaman padi berbanding sebelum ini.

Malah, bantuan khidmat pilot dron diakui berjaya meningkatkan produktiviti sektor pertanian golongan pesawah, sekali gus meningkatkan pendapatan mereka.

Salah seorang pesawah, Rosmani Bisri, 65, berkata, perbezaan jumlah hasil padi dituai jelas meningkat sejak dia menggunakan khidmat dron hampir dua tahun lalu.

Menurutnya, tugas meracun dan membaja menggunakan semburan dron hanya mengambil masa kira-kira 30 minit.

"Ia jauh menjimatkan dari segi tenaga dan masa sebanyak 70 peratus berbanding penggunaan tenaga manusia sebelum ini.

"Saya teruja dan kagum dengan kewujudan teknologi dron apabila kerja semburan racun dan baja di setiap petak sawah dapat diselesaikan dalam masa singkat," katanya yang memiliki sawah seluas dua hektar di Sa-

“
Saya teruja dan kagum dengan kewujudan teknologi dron
”
Rosmani

gunakan dron.

"Saya kini yakin dengan menggunakan dron, hasil padi lebih baik selain tanaman tidak diserang pelbagai penyakit termasuk penyakit hawar daun bakteria (BLB)," katanya. Sementara itu pesawah, Azhar Abdullah, 60, menyifatkan kemudahan dron bukan sahaja

mengurangkan pembaziran sumber tenaga manusia, malah turut menjimatkan kos bahan mentah digunakan.

"Saya melihat kaedah penyemburan dilakukan secara sama rata, seragam dan lebih berkesan selain perkhidmatannya yang menjimat masa serta tenaga.

"Malah, hasil tuaian padi lebih terjamin. Tiada lagi masalah pembaziran kos bahan seperti baja atau racun," katanya yang menggunakan khidmat Drone Eco.

wah Sempadan di sini.

Menurutnya, kos membaja dan meracun hanya RM60 untuk 30 minit.

"Yang penting, saya mendapat hasil yang lebih baik melalui proses penyemburan racun dan baja meng-



9/5/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

13



KHAIRUL Aiman (dua dari kanan) bersama pekerjaanya yang juga pengendali drone ketika ditemui di Kampung Sungai Tinggi Kanan.

PILOT DRON MAMPU RAIH GAJI LUMAYAN

'Orang kuat' sektor pertanian

Oleh Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Tanjong Karang,

Jika dahulu ia sekadar hobi rekreasi hujung minggu namun kini kemahiran menerbangkan drone mampu mencetuskan kerjaya profesional masa hadapan bergaji lumayan.

Ternyata kepakaran menerbangkan drone kini tidak sekadar 'permainan' alat kawalan jauh atau bagi tujuan fotografi serta mera-

kam video panorama dari sudut tinggi (*high angle*).

Malah, lebih dari itu, drone memainkan peranan besar dalam pertumbuhan ekonomi pertanian mapan serta mendapat tempat di kalangan petani moden.

Perkara ini dibuktikan dengan Anuar Abdullah, 35, yang tidak menang tangan mendadak mengemudikan pesawat di sekitar Tanjong Karang untuk membantu proses tanaman padi di kawasan berkenaan.

Khairul berkata, kemah-

iran menerbangkan drone digunakan bagi tugas menyebarkan racun dan menyembur racun untuk tanaman padi.

Menurutnya, dia mula menawarkan perkhidmatan drone sejak dua tahun lalu selepas mendapati kaedah itu mempercepatkan proses menyembur racun serta baja selain meringankan beban pesawah.

"Dalam satu musim, kami akan meracun selama lima kali mengikut jadual ditetapkan. Satu keping sawah (1 hektar) dikenakan cas RM300 dari proses penana-

man sehingga manual.

"Waktu kerja kami adalah dari jam 7 pagi hingga jam 11 pagi dan kemudian disambung semula pada jam 5 petang. Manakala masa yang diperlukan untuk menyembur racun dan baja hanya dianggarkan 30 minit sahaja termasuk persediaan membancuh racun dan memasang drone," katanya.

Katanya, dia mempunyai tiga unit drone yang sudah diubah suai *custom made* iaitu model Effort Tech (EFT) E416 dan E616.

"E416 merujuk kepada

drone empat kipas berkapasiti 16 liter. Manakala E616 adalah drone enam kipas berkapasiti 16 liter. Seramai lima *pilot* berkhidmat untuknya membolehkan anak-anak muda yang datang dari kampung yang sama iaitu Kampung Sungai Tinggi Kanan.

"Sebelum menjadi *pilot*, saya akan melatih mereka terlebih dahulu di mana mereka diberi posisi sebagai *pilot*. Anggaran untuk mahir dalam menerbangkan drone mengambil masa kira-kira sebulan," katanya.

Khairul yang juga pemegang ijazah Sarjana Muda Elektrikal Elektronik di Universiti Teknologi Mara (UTM) Shah Alam berkata, setakat ini dia menerima permintaan daripada pesawah di sekitar Sawah Sempadan, Sungai Burong dan Sungai Sireh di sini.

Selain memberi perkhidmatan semburan baja dan racun pada pesawah, Khairul juga turut meluaskan perkhidmatan semburan baja dan racun kepada pengusaha ladang kelapa sawit dan ladang pisang.

9/5/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

13

Tanjung Karang: Wujud tanggapan cetek kononnya kerjaya sebagai pengendali pesawat tanpa pemandu (UAV) atau dron adalah ker-ja main-main dan tidak mencabar.

Namun semua itu tidak memamatkan semangat dua anak muda Kampung Sungai Tinggi Kanan di sini, yang berjaya bergelar *pilot* dron profesional hingga mencuri tumpuan pesa-wah.

Ternyata mereka berdua tidak kekuk membantu pe-sawah di kawasan bendang sekitar Tanjung Karang, un-tuk menyembur racun dan baja cecair kepada tana-man padi menggunakan dron.

Muhammad Luqman

Ambil masa sebulan mahir kawal dron

Hakim Rosli, 20, berkata, pengalaman menerbangkan dron adalah sesuatu yang mengagumkan berikutan dia sebelum ini hanya me-ngetahui teknologi berkena-an melalui saluran YouTube.

Menurutnya, semuanya bermula ketika dia menung-gu tawaran menyambung pengajian ke universiti dua tahun lalu, sebelum dipela-oh oleh bapa saudaranya yang juga pengasas Drone Eco, Khairul Anuar Abdul-lah, 35.

"Sebelum bapa saudara memula kan bidang berke-naan, dia mempuny-

"Tanpa membuang masa, saya menerima pelajaran bagi kursus serta latihan bagi menjadi pengendali dron profesional," katanya ketika ditemui Harian Metro, ba-ru-baru ini.

Katanya, di peringkat awal pembabitan, pelbagai

cabaran terpaksa dilalui te-rutama apabila berdepan kerenaah pelanggan selain perlu mempelajari cara me-ngendalikan dron dengan betul.

Menurutnya, dia menga-mbil masa kira-kira sebulan untuk memahirkan diri bagi menerbangkan dron dan belajar selok-belok bermula peringkat asas.

"Setiap kali melakukan semburan, kami perlu tabu beberapa banyak tong yang se-suai bagi menyembur racun secara efektif menggunakan dron.

"Selain itu, ketinggian dron juga perlu dikawal rapi semasa menyembur racun bagi menghapuskan penyakit pada padi serta serangan serangga seperti ulat padi dengan berkesan," katanya.

Muhammad Luqman Ha-kim berkata, masa diper-lukan untuk menyembur racun menggunakan dron bagi sawah padi dianggarkan sekitar 30 minit ter-dan persiapan dron.

Sementara itu, rakannya, Muhammad Alwie Amri, 21, berkata, minat mendalam serta sokongan keluarga menjadi faktor utama dia mampu menjadi pengenda-li dron.

Menurutnya, cabaran di-hadapi menambah sema-ngatnya untuk terus berada dalam bidang kerjaya baru ini.

"Saya berpuas hati dapat menjadikan minat mener-bangkan dron sebagai ker-jaya. Malah waktu kerja yang fleksibel turut menjadi tarikan utama.

"Melalui latihan dan kur-sus diberikan, saya kini mencapai impian menjadi *pilot* dron yang berjaya. Ma-lah saya bercadang menu-buhkan syarikat sendiri pada masa akan datang," ka-tanya.

Dia memberitahu, golo-ngan belia yang mahu men-ceburi bidang kerjaya ba-haru itu perlu berani dan mempunyai minat tinggi.

"Pulangan pendapatan melalui pekerjaan ini amat memuaskan dan jauh dari sangkaan ramai. Malah ia mampu menjamin masa depan kami," katanya.



9/5/2022

UTUSAN
MALAYSIA

EKONOMI

34

Perang Rusia-Ukraine cetus amaran krisis makanan global

Perluas insentif industri pertanian

Oleh MURFARAHIN HUSSIN
farahin.hussin@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu memperluas insentif dalam industri pertanian dalam usaha mendepani krisis makanan global dan inflasi yang mungkin berlaku akibat perang Rusia-Ukraine yang berpanjangan.

Penganalisis Ekonomi UiTM, Dr. Aimi Zulhazmi, Prof. Madya berkata, walaupun negara mempunyai cukup kawasan untuk sawit dan pertanian makanan, namun insentif dalam industri pertanian sangat lemah. Berikutan pelesenan, konsesi dan sekatan ke atas akses pasaran.

"Sebenarnya rantaian nilai bekalan ini dikawal kukuh oleh orang tengah yang bermula daripada proses mendapat kebarang mengimport barang-barang makanan. Justeru, kita memerlukan revitalisasi pasaran dan inovasi terbaru saluran pasaran untuk membantu para petani tempatan.

"Ekonomi digital yang sesuai tepat pada waktunya perlu digunakan secara maksimum. Pandemik Covid-19 dua tahun lalu telah mendedahkan kelemahan Malaysia dalam

penganugerahan permit import (AP) sahaja.

Jelasnya, penganugerahan AP secara teorinya memang langkah paling menjimatkan kerana pemegang AP akan dapat memilih sumber bekalan yang murah dan stabil, tiada kos yang dikeluarkan oleh kerajaan malah mendapat keuntungan dari segi pungutan cukai masuk.

Katanya, ia termasuk model utama untuk membawa masuk hampir semua komoditi makanan utama ke Malaysia daripada kelapa, sayur-sayuran, buah-buahan, gula, tepung, beras, ayam, daging lembu dan kambing serta pelbagai ratusan jenis lagi.

"Namun, sekiranya berterusan berpuh-puluh tahun, ia tidak lagi produktif malah mewujudkan kartel-kartel yang mengawal turun naik harga barang secara tidak rasmi.

"Oleh itu, kerajaan harus menangani keperluan pengeluaran makanan domestik melalui penggunaan tanah serta mengubah dasar pertanian daripada hanya memihak kepada eksport komoditi utama seperti kelapa sawit sahaja kepada pertanian tanaman makanan, ujarnya.



PESAWAH melakukan kerja-kerja manual padi di Guar Sajat, Arau, Perlis. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

supaya objektif ini boleh dicapai," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pencerobohan Rusia ke atas Ukraine baru-baru ini, mendorong Program Makanan Sedunia Perubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memberi amaran tentang krisis makanan global yang akan berlaku akibat gangguan dalam pengeluaran dan eksport.

Aimi Zulhazmi berkata, bagi membendung masalah ini, kerajaan tidak boleh hanya bergantung kepada cara mudah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

Wujudkan santuari ikan elak ancaman baung ekor merah

Ancaman spesies asing, aktiviti korek pasir jejas tangkapan nelayan

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Kuala Kangsar: Menyedari ikan spesies asing khususnya ikan baung ekor merah yang kian mengancam biodiversiti di Sungai Perak, komuniti nelayan darat di Kampung Batu Limbong, Bendang Kering, di sini, mengusahakan santuari ikan sejak empat bulan lalu.

Ya antara langkah bagi menangani ancaman ikan pemangsa itu serta beberapa spesies asing, selain usaha meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat.

Naib Pengerusi MyKomuniti Perikanan (MyKP) Kampung Bendang Kering, Mohd Taridi Wahid, berkata santuari itu diwujudkan menerusi program MyKP yang ahlinya terdiri daripada komuniti nelayan dan penduduk kampung.

Katanya, santuari berkeluasan setengah saiz padang bola sepak dengan berkonsepkan santuari 'lepas' bertujuan menarik kehadiran ikan yang lazimnya gemar 'berhijrah' di antara satu tempat ke tempat lain, untuk mendiami



Komuniti nelayan darat di Kampung Batu Limbong mengusahakan santuari ikan bagi mengelakkan ancaman spesies baung ekor merah.

dan berhabitat di lokasi itu.

Beliau berkata, ancaman ikan spesies asing selain aktiviti mengorek pasir tidak jauh dari kawasan itu menjejaskan hasil tangkapan nelayan.

Ia sekali gus menyebabkan ikan seperti tilan, terbul, kaloi, ubi dan pari sungai, sangat susah diperolehi.

Katanya, penubuhan santuari itu membolehkan pengunjung memberi makan ikan pelbagai jenis antaranya ikan lampam, lawang, seluang, tebal sisik selain beberapa aktiviti lain yang turut ditawarkan, antaranya pakej menangkap ikan bersama nelayan di atas bot.

Malah, katanya, pihaknya kini masih giat melakukan beberapa penambahan kemudahan di kawasan itu, antaranya surau serta tapak untuk aktiviti perkhemahan yang dijangka mula beroperasi pada Julai nanti.

"Selain komuniti nelayan, penubuhan santuari ini juga mendapat sokongan padu daripada penduduk kampung berikutan kawasan santuari ini pada asalnya adalah kawasan menangkap ikan bagi penduduk.

"Ia memandangkan santuari ini terletak betul-betul di kawasan muara Sungai Itam yang bertemu dengan Sungai Perak. Justeru, nelayan di sini pada asalnya tiada kuasa untuk menghalang sesiapa pun daripada menangkap ikan di kawasan ini," katanya kepada BH.

Mengenai kewujudan ikan pemangsa seperti baung ekor merah dan ikan pacu yang dilaporkan sudah mendiami Sungai Perak, Mohd Taridi berkata, ia menyebabkan pendapatan nelayan

di kawasan itu susut sejak dua hingga tiga tahun lalu.

Katanya, aktiviti mengorek pasir memeritkan lagi keadaan apabila telur ikan yang lazimnya ditetaskan di dasar sungai akan turut disedut bersama dengan pasir sungai yang dilombong, sekali gus mengancam populasi ikan kecil.

Sementara itu, nelayan darat yang juga ahli MyKP Kampung Bendang Kering, Ibrahim Mohd Isa, 50, berkata tahun lalu, hampir 100 ekor ikan baung ekor merah bersaiz melebihi 10 kilogram setiap satu berjaya dinaikkan di perairan Kuala Kangsar oleh komuniti persatuan itu.

Katanya, ia menyebabkan berlaku penyusutan hasil tangkapan nelayan di situ, terutama udang galah air tawar yang menjadi penyumbang terbesar sumber pendapatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Apabila makanan habis...

ISU harga ayam dan kekurangan bekalan makanan menggambarkan risiko dihadapi negara. Beberapa keperluan asas makanan turun naik pengeluarannya.

Ia meletakkan Malaysia dalam risiko kerana kebergantungan kepada import. Keselamatan bekalan makanan menjadi lebih kritikal terutama tempoh tiga tahun sejak Covid-19 menjelma.

Beberapa negara bertindak mengehendkan eksport makanan. Harga barangan makanan melonjak berikutan rantaian pengeluaran yang terjejas disebabkan pandemik.

Jiran Malaysia, Indonesia baru-baru ini telah melarang eksport minyak kelapa sawit berikutan kebimbangan kekurangan bekalan di negara sendiri walaupun harga komoditi itu melonjak melebihi RM7,000.

Malaysia dalam bahaya berhubung "food security". Pada 2020, Malaysia mengimport produk makanan bernilai RM55.5 bilion. Defisit import kepada eksport makanan naik paling pantas iaitu 24 peratus atau RM21.7 bilion. Itu sama dengan bayaran khas RM500 Aidilfitri kerajaan selama 21 kali.

Dalam tempoh 10 tahun, kos terkumpul import makanan negara adalah RM482.8 bilion atau tujuh kali ganda peruntukan pembangunan dalam bajet 2021. Malaysia kini terlalu bergantung kepada import walaupun negara ini subur dan jutaan ekar tanah tidak dimanfaatkan. Kita mengimport daging kambing bernilai RM879.4 juta, mangga (RM87.9 juta), kelapa (RM266.1 juta) dan daging lembu (RM2.2 bilion) pada tahun 2020. Lebih merungsingkan kelapa, mangga, kambing dan lembu boleh ditanam dan ditenak di negara ini. Kelapa bukan anggur. Kita juga import kopi, bawang, kentang, sotong, susu segar, kobis bulat, cili, dan halia. Malah Malaysia mengimport beras bernilai AS\$620 juta pada 2020, pengimport kesembilan paling besar di dunia dalam kategori 10 negara terbesar iaitu Arab Saudi, China, Iraq, Perancis, dan Amerika Syarikat.

Mereka yang pernah ke Jepun dapat lihat setiap inci tanah dimanfaatkan terutama untuk tanaman padi. Sebabnya, rakyat di negara itu merasakan beras negara lain tidak sedap. Beras import dikenakan levi tambahan bagi melindungi petani tempatan. Kita membenarkan import dan membunuh petani tempatan.

Kos import makanan Malaysia akan terus meningkat terutama dengan nilai ringgit yang semakin menurun. Malaysia ada tanah tetapi sebahagian besar terbiar atau tidak dimajukan secara berkesan. Di Korea Selatan, pisang ditanam ketika musim sejuk dan negara itu diliputi salji.

Di Malaysia, tiada usaha menggantikan petani yang semakin tua. Tiada subsidi atau geran diperuntukkan kepada golongan muda berkecimpung dalam sektor pertanian. Di Eropah dan Amerika sektor pertanian diberikan subsidi besar bagi memastikan keselamatan makanan. Keluasan tanah pertanian di Malaysia mengecil dan tiada siapa tahu anggaran sebenar. Semuanya digantikan dengan pembangunan. Pembahagian harta pusaka selepas kematian pemilik Islam menjadikan tanah luas mengecil dan tiada saiz ekonomi atau "economy of scale" bagi kegiatan komersial. Di negara maju, tanah pertanian digazet supaya saiznya kekal walaupun selepas kematian pemilik sebagai syarat menerima subsidi.

Sememangnya Malaysia diambang bahaya keselamatan bekalan makanan jika tiada usaha mengurangkan atau menghentikan import, mewujudkan petani generasi baru, mengekalkan saiz pertanian dan menggalakkan pengeluaran walaupun saiz tanah kecil menggunakan kaedah moden. Kita seperti pedati yang menanti salah satu roda tercabut atau lembu yang menariknya mati.

Mohamad Azlan Jaafar adalah Pengarang Kumpulan Media Mula Sdn Bhd